

Sistem amaran banjir baharu boleh ramal bencana seminggu awal

KUALA LUMPUR – Sistem amaran banjir baharu dijangka dapat digunakan selewat-lewatnya pada tahun 2017, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata, pihaknya sedang melakukan penilaian serta perbincangan dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terhadap sistem baharu itu.

“Kita akan memilih sama ada akan menggunakan cadangan (sistem amaran banjir) dari Amerika Syarikat atau saranan dari United Kingdom.

“Sistem yang ingin kita gunakan ini dikenal pasti mempunyai ketepatan antara 80 ke 90 peratus,” katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan Perwakilan Persatuan Bekas Polis Malaysia Ke-38 di

sini semalam.

Dalam pada itu, **Ketua Pengerah JPS, Datuk Ir. Zainor Rahim Ibrahim** menjelaskan, sistem amaran banjir baharu itu merupakan satu model perisian yang mengira dan membaca data dalam mendapatkan bacaan ramalan hujan yang lebih tepat.

“Melalui perisian itu, kita boleh dapatkan data awan

daripada Jabatan Meteorologi menggunakan Ramalan Cuaca Berangka (NWP). Selain itu, ia (data) boleh diperoleh daripada kiraan taburan hujan dan radar.

“Jika sebelum ini, JPS hanya dapat melakukan ramalan bencana dua hari lebih awal, namun dengan menggunakan teknologi tersebut, kita dapat meramal bencana tujuh hari lebih awal,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!*.

Zainor menambah, pihak JPS akan membina beberapa stesen baharu yang menggunakan sistem tersebut antaranya, di Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Dalam pada itu, **Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid** berkata, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang sedang berlangsung berjalan lancar di Perak, Sarawak dan Pahang.